## Jamuan Berbuka Puasa & Sedekah

Firman Allah S.W.T

***"Kamu sekali-kali tidak akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menderma sebahagian apa yang kamu sayangi."***

Maksud al-Imran : 92

Alhamdulillah pada tahun 1429H ini sumbangan yang diterima oleh Mufti Kerajaan Kemboja ialah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Peruntukan daripada Al-Ameen Serve Holdings daripada yuran penyertaan Program Korban Eidul Adha dan Aqiqah yang diterima sebelum 20 Ramadhan 1429H serta sumbangan para dermawan yang disalurkan melalui Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.: | USD 18,937.82 |
| Sumbangan daripada kakitangan Telekom Malaysia melalui Badan Kebajikan Islam Telekom (BAKIT) dan Telekom International (Cambodia) Co. Ltd.: | USD 10151.73 |

Luqman Hisyam wakil Urusetia Program Korban Eidul Adha & Aqiqah di Kemboja telah memantau perlaksanaan agihan sumbangan berbuka puasa. Turut hadir bersama di Kemboja ialah Ustaz Haji Mohd Zakuan Bin Tak mewakili Badan Kebajikan Islam Telekom (BAKIT). Sumbangan wang untuk berbuka puasa telah diagihkan oleh Mufti Kerajaan Kemboja kepada imam-imam masjid 434 Kampung Islam di seluruh Kemboja.

Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. ingin merakamkan rasa syukur kepada Allah S.W.T dan ucapan terima kasih kepada para peserta Korban & Aqiqah yang telah menjayakan program Ramadhan di Kemboja ini.

## Jamuan Aqiqah

Sejak awal tahun sehingga 30 Ramadhan 1429H, sebanyak 455 ekor kambing Aqiqah dan 193 ekor lembu Aqiqah telah disempurnakan. Pada bulan Ramadhan 1429H sahaja, bilangan ternakan aqiqah yang disempurnakan :

Lembu Aqiqah : 129 ekor
Kambing Aqiqah : 190 ekor

Jamuan Aqiqah dibuat sempena majlis berbuka puasa untuk penduduk kampung.

## Pengesahan Mufti Kemboja

Setiap peserta yang membuat sumbangan tambahan untuk program Ramadhan di Kemboja mendapat surat pengesahan penerimaan daripada Mufti Kemboja. Begitu juga pengesahan sumbangan telah diberi kepada Badan Kebajikan Islam Telekom dan Telekom International (Cambodia) Co. Ltd.

## Lembaga Penasihat



**Sohibus Samahah Okhna Haji Kamaruddin Yusuf**
Mufti Kerajaan Kemboja



**Okhna Haji Othsman Hassan**
Presiden Yayasan Pembangunan Umat Islam Kemboja (YAPIK)



**YB Ustaz Haji Zakaryya Adam**
Ketua Urus Setia Program di Kemboja

## Urus Setia



**Norwariza Mohd Hed**
Ketua Urus Setia Program di Malaysia



**Haji Che Mazlan Saad**
Pengerusi Eksekutif Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.



**YB Ustaz Haji Zakaryya Adam**
Ketua Urus Setia Program di Kemboja




www.korbanaqiqah.com.my
Korban Eidul Adha & Aqiqah Di KEMBOJA
MUDAH • MURAH • DIYAKINI
03-4143 4343


# Laporan PROGRAM RAMADHAN Di KEMBOJA 1429H



**Laporan khas untuk peserta Program Korban Eidul Adha & Aqiqah 1429H di Kemboja bagi penyertaan yang diterima sebelum 20 Ramadhan 1429H**


*Diuruskan oleh:*

**AL-AMEEN SERVE HOLDINGS SDN BHD** (378533T)
2-1, Tingkat 1, Jalan 9/23A, Medan Makmur Off Jalan Usahawan 53200 Setapak Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: 603-4143 4343 Faks: 603-4149 1414 Emel: alameen@tm.net.my Laman Web: www.korbanaqiqah.com.my

**YAYASAN PEMBANGUNAN UMAT ISLAM KEMBOJA**
No. 144, Street 146 on Mao Tse Toung Boulevard Group 8 Sangkak Toek Laak II, Khan Toul Kauk, Phnom Penh, Cambodia. Tel: (855 11) 809 456 Faks: (855 23) 880 940 Emel: zakaryya@yahoo.com

# Laporan Bergambar Program Ramadhan di Kemboja 1429H





Kampung nelayan laut dekat bandar Kep. Luqman Hisyam wakil
Al-Ameen sedang menyampaikan sumbangan



Makanan istimewa berbuka puasa di Kemboja



Bubur lambok ala Kemboja



Majlis penyerahan sumbangan di pejabat Mufti



Gambar hiasan : Kolam mengambil wuduk Masjid Kampot





Ustaz Zakuan wakil Telekom Malaysia bersama Mufti



"...ingatlah, hanya dengan mengingat Allahlah hati menjadi tenteram." maksud ar-Rad : 28

"Segala sesuatu mempunyai pintu,
dan pintu ibadat ialah puasa."
*Maksud Hadis Nabi.*




Gambar hiasan...

"...sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang berbuat baik." maksud at-Taubah : 120